

SOFILEX CAPSULE

Cephalexin (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Sofilex
2. Bagaimana Sofilex berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sofilex
4. Cara menggunakan Sofilex
5. Semasa menggunakan Sofilex
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sofilex
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Sofilex

Ia digunakan untuk merawat jangkitan bakteria di dalam telinga, saluran pernafasan, saluran kencing, kulit dan tisu lembut.

Bagaimana Sofilex berfungsi

Cephalexin adalah antibiotik yang membunuh bakteria di dalam badan manusia.

Sebelum menggunakan Sofilex

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Sofilex jika anda:

- alah (hipersensitif) terhadap Cephalexin, kumpulan antibiotik Cephalosporin, Penicillin atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

-Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Sofilex jika anda:

- mengalami penyakit gastrousus.
- mengalami penyakit radang usus.
- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.
- mempunyai masalah buah pinggang.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Sofilex

-Berapa banyak harus digunakan

- **Dewasa:**
4-8 kapsul (1g-2g) sehari, dos dibahagikan kepada setiap 6, 8 atau 12 jam.
Bagi jangkitan yang serius, dos boleh ditingkatkan kepada 24 kapsul (6g) sehari.
- **kanak-kanak:**
25-100mg/kg berat badan/ hari,

dibahagikan kepada beberapa dos.

Tidak boleh melebihi 16 kapsul (4g) sehari.

-Bila perlu digunakan

Diambil sebelum atau selepas makan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

-Jika terlupa menggunakannya

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Jika dos seterusnya adalah hampir, ambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda mungkin mengalami ketidakselesaan perut, rasa loya, cirit-birit, muntah-muntah dan kencing berdarah.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terambil secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

Semasa menggunakan Sofilex

-Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- alah terhadap Cephalexin atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- hamil atau menyusukan anak.
- mengalami masalah hati dan/atau buah pinggang.
- mempunyai jangkitan bakteria, kulat atau virus.

Kesan-kesan sampingan

- Gatal kulit dengan tompok merah pucat, bengkak dan lebam.
- Ruam kulit.
- Cirit-birit, rasa loya, muntah-muntah.
- Demam.
- Keradangan kolon.
- Bacaan darah yang tidak normal.

Sofilex boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Sofilex dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami simptom yang berikut: Kulit kemerahan, lecur, ruam, demam, sakit tekak dan iritasi pada mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Sofilex

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin berwarna hijau gelap dan hijau terang.
10 kapsul per blister strip.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Cephalexin Monohydrate

-Bahan tidak aktif

Magnesium Stearate, Lactose, Colloidal Silicon Dioxide.

-Nombor MAL

MAL19970955AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini

22/10/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)201006/531